

HARI MINGGU PRAPASKA KE-5 (A)

Yehezkiel 37:12-14; Mazmur 129. R/ v. 7; Roma 8:8-11
Yohanes 11:1-45 (Versi Singkat, Yohanes 11:3-7. 17. 20-27. 33-45)

Tema: **PRAPASKA ADALAH MASA KITA MEMBUAT PERSIAPAN UNTUK MATI DAN BANGKIT BERSAMA YESUS KRISTUS KE HIDUP BARU PASKA DALAM SAKRAMEN PERMANDIAN**

1. Hari ini adalah Hari Minggu Prapaska ke-5, dalam Tahun Liturgi A. Prapaska adalah masa kita membuat persiapan untuk merayakan Paska. Prapaska adalah masa kita membuat persiapan untuk merayakan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan kematian dan kebangkitan kita bersama-Nya di dalam Sakramen pembaptisan!

Prapaska dengan itu adalah masa di mana para katekumen kita menyiapkan diri mereka untuk pembaptisan mereka dan di mana kita yang sudah dibaptis membuat persiapan untuk pembaharuan pembaptisan kita pada Malam Menjelang Paska!

Prapaska, dengan itu, adalah masa pertobatan! Prapaska, dengan itu, adalah masa di mana kita bersiap sedia untuk mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke hidup baru Paska di dalam sakramen pembaptisan!

Injil hari ini memberitahu kita bahawa Yesus adalah kebangkitan dan kehidupan dan bahawa sesiapa yang percaya dalam Dia walaupun dia mati akan hidup! Dan sesiapa hidup dan percaya dalam Dia tidak akan mati!

Lebih penting lagi, Injil memberitahu kita bahawa Marta percaya akan Yesus! Marta percaya bahawa Yesus adalah Kristus, Putera Allah, yang akan datang ke dunia!

Lebih penting lagi, Injil memberitahu kita bahawa disebabkan Marta percaya akan Yesus, Yesus membangunkan saudaranya Lazarus dari kematian. Justru itu kita baca dalam Injil:

“Akulah kebangkitan dan hidup; barangsiapa percaya kepada-Ku, ia akan hidup walaupun ia sudah mati, dan setiap orang yang hidup dan percaya kepada-Ku, tidak akan mati selamanya. Percayakah engkau akan hal ini? ”

‘Jawab Marta: “Ya, Tuhan, aku percaya, bahawa engkau adalah Mesias, Anak Allah, Dia yang akan datang ke dalam dunia”.....

Dan sesudah berkata demikian, berserulah Ia dengan suara keras; “Lazarus, marilah ke luar!” Orang yang telah mati itu datang ke luar, kaki dan tangannya masih terikat dengan kain kapan dan mukanya tertutup dengan kain peluh. Kata Yesus kepada mereka: Bukalah kain-kain itu dan biarkan ia pergi.” (Yoh 11:25-27. 43-44; SM)

2. Bacaan pertama menuruti tema Injil. Bacaan pertama memberitahu kita bahawa Tuhan akan membuka kubur kita dan membangkitkan kita dari kubur dan Tuhan akan memberikan Roh-Nya ke dalam kita dan kita akan hidup! Justru itu kita baca dalam bacaan pertama:

“Dan kamu akan mengetahui bahawa Akulah Tuhan, pada saat Aku membuka kubur-kuburmu dan membangkitkan kamu, hai umat-Ku, dari dalamnya. Aku akan memberikan Roh-Ku ke dalam mu, sehingga kamu hidup kembali.....” (Yeh 37: 13-14a; SM)

3. Bacaan kedua memberitahu kita bahawa jika Roh Dia yang membangkitkan Yesus dari kematian tinggal di dalam kita, maka Dia yang membangkitkan Yesus dari kematian akan memberi kehidupan kepada tubuh kita yang mati melalui Roh-Nya yang tinggal didalam kita! Dengan itu kita baca dalam bacaan kedua:

“Dan jika Roh Dia, yang telah membangkitkan Yesus dari antara orang mati, diam di dalam kamu, maka ia, yang telah membangkitkan Kristus Yesus dari antara orang mati, akan menghidupkan juga tubuhmu yang fana itu oleh Roh-Nya , yang diam di dalam kamu.” (Rom 8:11; SM)

4. Berhadapan dalam Kabar Gembira ini kita hanya boleh menyahut dengan pepadah Mazmur antarbacaaan hari ini. Dengan itu kita menyahut:

“Pada Tuhanlah kasih setia dan penebusan berlimpah.” (Ps 129 (130):7; SM)

Bahkan, Tuhan adalah kasih, belas kasih, pengampunan dan penyelamatan!

5. Pada musim Prapaska ini, Gereja meminta kita untuk berdoa, berpuasa, dan memberi sedekah kepada yang miskin; bukan sebagai hukuman kerana dosa kita, tetapi untuk membantu kita untuk bertobat! Untuk membantu kita mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke hidup baru Paska dan dalam sakramen Pembaptisan! Berkat Prapaska kepada kamu semua! Amen!

Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga-keluarga, dalam kumpulan-kumpulan kecil dan dalam komuniti-komuniti kecil:

1. Percayakah kamu bahawa Yesus Kristus telah bangkit dari kematian? Percayakah kamu bahawa Yesus Kristus memberi kita Roh Kudus dalam sakramen pembaptisan?

2. Percayakah kamu bahawa di dalam sakramen Pembaptisan kita akan mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke hidup baru Paska melalui kuasa Roh Kudus?

3. Bagaimanakah kamu membuat persiapan untuk pembaptisan kamu? Bagaimanakah kamu membuat persiapan untuk pembaharuan pembaptisan kamu? Adakah kamu berdoa, berpuasa dan memberi sedekah kepada yang memerlukan dan miskin?

4. Apakah ketiga-tiga sakramen inisiasi yang kamu akan terima pada Malam Menjelang Paska? Mengapakah ia sangat penting bahawa selepas pembaptisan, kita harus datang ke Misa Kudus setiap Minggu?

5. Apakah kamu ibubapa atau Penanggung? Apakah tanggungjawab kamu terhadap anak-anak yang kamu tanggung?

6. Dari manakah iman kamu datang? Adakah kamu baca Alkitab? Adakah kamu membaca bacaan hari Minggu? Adakah kamu baca Katekismus Gereja Katolik?

7. Apakah yang dilakukan oleh sakramen Pembaptisan kepada kamu? Apakah yang dilakukan oleh sakramen Penguatan untuk kamu? Apakah yang dilakukan oleh Sakramen Ekaristi kepada kamu?

8. Tahukah kamu bahawa “Triduum Paska” Jumaat Agung, Sabtu Suci dan Hari Minggu Paska adalah satu perayaan? Tahukah anda bahawa Jumaat Agung bermula dengan Misa Kudus pada Khamis Putih Perjamuan Terakhir Tuhan?

9. Tahukah kamu apa yang dilambangkan oleh palma “MINGGU PALMA KESENGSARAAN TUHAN”?

Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,

Rujukan: Sunday Missal (SM).